

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89

Jun 1989

FPB 132 Fisiologi Sistemik I

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Bincangkan secara umum satu mekanisme tindakan hormon steroid.
(5 markah)
 - (B) Namakan hormon seks lelaki dan bincangkan hubungan hormon ini dengan sistem biakan lelaki.
(5 markah)
 - (C) Bincangkan tentang keadaan metabolisme basal.
(5 markah)
 - (D) Tuliskan nota ringkas tentang
 - (i) kawasan bahasa korteks serebrum, dan
 - (ii) hemisfera dominan
(5 markah)
-
2. (A) Bincangkan secara terperinci kesan kortisol terhadap metabolisme karbohidrat dan protein sel ekstrahepar dan sel hepar.
(10 markah)
 - (B) Terangkan bagaimana faktor stres dapat mempengaruhi kawalan perembesan kortisol.
(6 markah)
 - (C) Jelaskan bagaimana penyakit sindrom Cushing dapat menjejaskan metabolisme lemak.
(4 markah)

3. (A) Terangkan sintesis hormon 1,25-dihidroksikolekalsiferol (1,25 DHCC) daripada zat prekursornya.

(8 markah)

- (B) Bincangkan peranan hormon paratiroid di dalam pengawalaturan paras kalsium plasma.

(6 markah)

- (C) Berikan suatu ringkasan tentang tindakan insulin terhadap metabolisme karbohidrat.

(6 markah)

4. (A) Tulis nota-nota ringkas tentang

(a) vitamin larut-lemak

(3 markah)

(b) kadar metabolisme asas

(4 markah)

(c) osikel auditori

(3 markah)

- (B) Namakan hormon-hormon yang terlibat dalam proses kehamilan. Bincangkan fungsi setiap hormon tersebut.

(10 markah)

5. (A) Dengan bantuan gambarajah, bincangkan pengangkutan dan penyerapan nutrien yang telah dicernakan melalui sel mukosa vili usus kecil.

(10 markah)

- (B) Apakah yang dimaksudkan dengan peredaran enterohepatik?

(4 markah)

- (C) Terangkan peranan usus besar di dalam sistem pencernaan.

(6 markah)

6. (A) Tulis nota-nota ringkas tentang

(i) teori pintu

(3 markah)

(ii) tindakan morfin dan enkefalin di dalam nyeri, dan

(4 markah)

(iii) sakit terujuk

(3 markah)

- (B) Bincangkan interaksi di antara sistem piramidal, sistem ekstrapiramidal dan serebelum di dalam kawalan gerakan.

(10 markah)